

Nama:

Tahun: 6

Melayu Islam Beraja (Tahun 6)

Ulangkaji Minggu 11 (Online Class)



A) Padankan NILAI-NILAI pada Bahagian A dengan maksud yang sesuai di Bahagian B. Tuliskan huruf dalam ruang jawapan yang disediakan.

	PETAK A (Nilai-nilai)	JAWAPAN	PETAK B (Maksud)
1	Tidak camah mata		A Berkeupayaan / Keupayaan.
2	Prihatin		B Tidak bergantung kepada sesiapa/orang.
3	Nakal		C Nama baik
4	Awar galat		D Pemedulian.
5	Degil		E Ikhlas.
6	Syukur		F Mengambil perhatian sesuatu perkara.
7	Berdikari		G Memberi Perhatian.
8	Ringan mulut		H Bertimbang-rasa.
9	Boros		I Suka melakukan sesau yang dilarang.
10	Cengkek		J Suka berbelanja.
11	Malang		K Ramah.
12	Pemedulian		L Tidak pilih kasih / berat sebelah.
13	Bijaksana		M Berterima kasih.
14	Bersimpati		N Berserah kepada Allah setelah berusaha.
15	Berwibawa/kewibawaan		O Segan silu.
16	Adil		P Pandai, arif, berhati-hati, pintar.
17	Pemimpin		Q Nasib yang tidak baik.
18	Reputasi		R Tidak menurut kata.
19	Tawakal		S Ketua.
20	Seangkat-angkat hati		T Sedikit.

B) Lihat dengan teliti gambar berikut kemudian senaraikan 5 sahaja NILAI-NILAI MURNI yang terdapat dalam gambar.



1	
2	
3	
4	
5	

C) Lihat dengan teliti gambar berikut kemudian senaraikan 5 sahaja NILAI-NILAI TIDAK BAIK yang terdapat dalam gambar.

1	
2	
3	
4	
5	



D) Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Jiran ialah orang yang tinggal di sebelah atau (1) dengan rumah kita. Kita hendaklah saling mengenali dan (2) antara satu sama lain. Jika jiran tidak ada di rumah, kita bolehlah menolong (3) keselamatan harta benda jiran. Kita perlu menanamkan sifat (4) dan mengelakkan pergaduhan sesama jiran adalah dituntut dalam agama Islam. Jika kita menolong jiran, kita hendaklah (5).

E) Tandakan B pada perbuatan atau pernyataan yang BETUL dan tandakan S pada perbuatan atau pernyataan yang SALAH (tidak baik).

	Soalan	B / S
1	Kebersihan diri dan tempat tinggal perlulah dijaga agar kehidupan terjamin.	
2	Kerja rumah perlu disiapkan agar tidak terkumpul dan tidak dimarahi guru.	
3	Beri sepenuh perhatian dan tumpuan sewaktu guru sedang mengajar.	
4	Pentingkan diri sendiri dan tidak perlu menghormati orang lain.	
5	Bergurau senda dengan rakan-rakan sekelas secara berlebihan.	
6	Berperasaan kasih dan sayang kepada ibu bapa dan seluruh ahli keluarga.	
7	Seorang pelajar yang bijak hendaklah pandai menyusun waktu belajar di rumah.	
8	Emosi bermaksud perasaan seperti sedih, takut, gembira.	
9	Memakai pakaian yang kerterlaluan warnanya dan perhiasan.	
10	Biasakan membuat ulangkaji pelajaran sendiri di rumah tanpa disuruh oleh ibu bapa.	
11	Memanggil seseorang mengikut usia, pangkat dan gelaran yang sesu dan tidak kasar.	
12	Membuatkan hati ibu bapa sedih adalah dituntut dalam Islam.	
13	Memakai baju ketat dan berseluar jeans semasa menghadiri majlis perkahwinan.	
14	Berbudi bahasa dan bersopan santun dalam berbicara dengan orang.	
15	Memohon maaf atas kesalahan yang telah dilakukan terhadap seseorang.	
16	Berhias dengan pakaian dan beg tangan berjenama dan mahal.	
17	Kawan yang baik tidak mudah tersinggung dan mengambil hati.	
18	Sikap sombong perlu diamalkan oleh setiap individu.	
19	Rakan yang baik mendorong kita melakukan kebaikan dan ke jalan kecemerlangan.	
20	Mengemas kembali rumah yang telah kita sebahkan tanpa perlu menyusahkan ibu.	

F) Isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

amanah	pahala	perniagaan	teladan	menghormati
bapa	pangkat	solat	taat	mentaati

- 1) Menolong ibu bapa menjual makanan dan minuman boleh menambah pengetahuan kita dalam bidang _____.
- 2) Sebagai seorang anak, kita mestilah menghormati dan _____ suruhan ibu dan _____.
- 3) Anak yang _____ kepada suruhan ibu bapa akan mendapat _____.
- 4) Kita juga mesti _____ orang lain tanpa mengira umur, bangsa dan _____.
- 5) Setiap tanggungjawab yang diberikan hendaklah dilakukan dengan _____.
- 6) Kita perlu menunjukkan _____ yang baik dalam pergaulan dan perlakuan.
- 7) Jangan terlalu leka bermain-main hingga melalaikan waktu _____ dan beribadat.

G) Tuliskan apa yang akan kamu lakukan jika kamu menghadapi situasi seperti berikut.

- 1) Sewaktu kamu sedang beriadah bersama keluarga di sebuah taman, kamu telah mendapati seseorang telah membuang-buang sampah di merata tempat dengan senghaja. Apa yang perlu kamu lakukan?

- 2) Adik kamu selalu meminta ibu bapa kamu untuk membelikannya barang-barang mahal dan berjenama. Sebagai seorang kakak/abang, apa yang perlu kamu lakukan?

- 3) Adik kamu selalu meminta ibu bapa kamu untuk membelikannya barang-barang mahal dan berjenama. Sebagai seorang kakak/abang, apa yang perlu kamu lakukan?